

TARIKH	SELASA, 14 MEI 2024
AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK ARTIKEL	ISU LYNAS: RAYUAN AKTIVIS 18 SEPTEMBER
M/S	29
BIDANG	LYNAS
KATA KUNCI	PERMANENT DISPOSAL FACILITY (PDF), GEBENG

Isu Lynas: Rayuan aktivis 18 September

PUTRAJAYA: Rayuan aktivis anti-Lynas, Tan Bun Teet bagi mencabar kebenaran yang diberikan kepada Lynas Malaysia Sdn. Bhd. untuk membina kemudahan pelupusan tetap (PDF) Lynas di Kawasan Perindustrian Gebeng, Kuantan, Pahang akan didengar oleh Mahkamah Rayuan pada 18 September ini.

Panel tiga hakim diketuai Datuk Lee Swee Seng sebulat suara menolak permohonan Majlis Bandaraya Kuantan, Gading Sengara Sdn. Bhd. dan Lynas Malaysia untuk membatalkan rayuan aktivis berkenaan.

Beliau yang bersidang bersama Datuk See Mee Chun dan Datuk Azizul Azmi Adnan sebaliknya membenarkan permohonan Bun Teet untuk menyelaraskan rekod rayuan.

Mahkamah berpuas hati rayuan berkenaan melibatkan isu kepentingan awam dan panel itu mempunyai budi bicara untuk membenarkan lanjutan masa memfailkan memorandum rayuan.

Aktivis berkenaan memfailkan permohonan untuk menyelaraskan rekod rayuan pada 13 November 2023 manakala pihak responden memfailkan bantahan bagi membatalkan rayuan, sebulan kemudian.

Pada prosiding itu, Jessica

Ram Binwani dan T. Meenakshi Raman mewakili Bun Teet manakala Penolong Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang, Munirah Shamsudin mewakili kerajaan negeri.

Selain itu, Natasha Aida Zulkifli mewakili Majlis Bandaraya Kuantan, B. Thangaraj bagi pihak Gading Sengara manakala Sunil Abraham mewakili Lynas.

Pada 30 Mei 2023, Mahkamah Tinggi Kuantan menolak semakan kehakiman Bun Teet bagi mencabar kebenaran yang diberikan kepada Lynas Malaysia untuk membina PDF Lynas di Kawasan Perindustrian Gebeng.

Hakim Zainal Azman Ab. Aziz berpuas hati aktivis berkenaan tidak terjejas teruk kerana dia bukannya tinggal berhampiran tapak pelupusan tetap di Gebeng.

Menurut Hakim Zainal Azman, pada Januari tahun lalu, kerajaan negeri memberi hak milik dan meluluskan tapak berkenaan untuk pembinaan PDF manakala tapak kediaman terdekat dengan projek itu adalah sejauh 2.5 kilometer.

“Tiada pelanggaran undang-undang kerana ia memenuhi kelulusan oleh kerajaan negeri,” ujar hakim berkenaan.

DISEDIAKAN
OLEH

PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM